

ET R 300  
PERNIAGAAN PEMBEKAL ALATAN  
PERUBATAN DAN ALATAN MAKMAL  
BIO MEDIC

Diploma In Business Studies

Semester 05

Institut Teknologi Mara

Cawangan Melaka

78000 Alor Gajah

Melaka

17 Februari 1996

Encik Ariffin Salleh

Koordinator ETR 300

Institut Teknologi Mara

Cawangan Melaka

78000 Alor Gajah

Melaka

Tuan

Laporan Rancangan Perniagaan Pembekal Alatan Perubatan Dan Peralatan

Makmal

Merujuk kepada perkara diatas, pada 10 hb. Januari 1996 kami telah diarahkan untuk menyiapkan satu laporan Rancangan Perniagaan yang berkenaan dengan perniagaan yang tertera diatas. Laporan ini telah disediakan mengikut arahan, tatacara dan prosedur seperti yang telah ditetapkan.

2. Rancangan perniagaan ini adalah berkaitan dengan perniagaan pembekalan alatan perubatan dan makmal. Kami berkeyakinan bahawa perniagaan ini mempunyai peluang yang cerah dimasa hadapan dan Insyaallah ianya akan merupakan sumber pendapatan yang menguntungkan.

3. Harapan kami agar segala usaha yang dijalankan telah memenuhi keperluan tuan dan mendapat rahmat dari Allah s.w.t.

Dengan ini kami menyerahkan laporan dan bersedia untuk memberi maklumat tambahan yang diperlukan.

Sekian Terima kasih.

Yang Menjalankan Tugas



Azharina Zainal Anuar

(Pengurus Besar)

## **ISI KANDUNGAN**

Mukasurat

|            |   |    |
|------------|---|----|
| <b>0.0</b> | <b>PENDAHULUAN</b>                          |    |
| 0.1        | Logo  | 1  |
| 0.2        | Perjanjian Perkongsian                      | 4  |
| 0.3        | Penghargaan                                 | 13 |
| <br>       |   |    |
| <b>1.0</b> | <b>Pengenalan</b>                           | 15 |
| <b>2.0</b> | <b>TUJUAN</b>                               | 16 |
| <b>3.0</b> | <b>LATAR BELAKANG SYARIKAT</b>              | 17 |
| <b>4.0</b> | <b>LATAR BELAKANG PEMILIK / AHLI KONGSI</b> | 19 |
| <b>5.0</b> | <b>LATAR BELAKANG PROJEK CADANGAN</b>       | 22 |
| <br>       |   |    |
| <b>6.0</b> | <b>RANCANGAN PEMASARAN</b>                  | 23 |
| 6.1        | Analisa Pemasaran                           |    |
| 6.1.1      | Bentuk Pasaran                              |    |
| 6.1.2      | Saiz Pasaran                                | 24 |
| 6.1.3      | Barangan dan Perkhidmatan                   |    |
| 6.1.4      | Kelebihan dan Keistimewaan Barangan         | 25 |
| 6.1.5      | Pelanggan                                   |    |
| 6.1.6      | Persaingan                                  | 26 |
| <br>       |   |    |
| 6.2        | Ramalan Jualan                              | 28 |

## 1.0 PENGENALAN

Dimasa ini sering kita terdengar seruan Perdana Menteri kita Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad menyeru kearah Wawasan 2020 yang bertujuan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

Kami sebagai Bumiputra yang juga berwawasan tinggi ingin turut serta dalam menjayakan wawasan yang murni itu. Perniagaan pembekalan yang bakal kami usahakan ini adalah sebuah perniagaan yang jarang di ceburi oleh kaum Bumiputra kita terutama kaum Melayu walaupun permintaan bagi alatan perubatan ini boleh dikatakan tinggi. Dari itu kami mengambil inisiatif untuk menceburkan diri dalam membuka sebuah perniagaan Pembekalan Alatan Perubatan dan Makmal ini.

Dengan wujudnya perniagaan ini maka akan bertambahnya persaingan di dalam pasaran khususnya syarikat yang membekalkan peralatan makmal dan pihak pelanggan akan mempunyai alternatif lain untuk memilih syarikat yang lebih baik servis dan barangannya yang tentu sekali bakal dibekalkan oleh syarikat kami kelak.

Kami berazam untuk terus berusaha dan memperkembangkan lagi pasaran bagi barangan kami sehingga merangkumi seluruh Malaysia atas dorongan dari keluarga, rakan-rakan serta pihak kerajaan.

INSYALLAH